



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KITA GEMPUR – STOR HARAM *DECANTING* DISERBU PENGUAT KUASA KPDN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menyerbu sebuah premis tanpa nama yang beralamat di Lot 1111, Jalan Alor Bukit, 81000 Kulai, Johor Bahru yang disyaki dijadikan stor haram untuk menyimpan dan mengedar gas petroleum cecair (LPG) pada 16 Disember 2024.

Serbuan yang dilakukan oleh sepasukan anggota penguat kuasa KPDN Putrajaya secara bersepadu bersama KPDN Negeri Johor bermula kira-kira jam 7.30 petang itu adalah hasil aduan orang awam melalui inisiatif KITA GEMPUR dan risikan yang telah dilakukan oleh pihak KPDN beberapa hari sebelum operasi dilancarkan.

Pemeriksaan awal yang telah dilakukan mendapati bahawa premis tersebut terletak di belakang sebuah rumah ibadat dan ditutupi dengan pagar zink. Hasil pemeriksaan juga mendapati terdapat sejumlah kenderaan berat di dalam premis itu selain dua buah lori dalam keadaan mencurigakan.

Hasil pemeriksaan lanjut ke atas premis terbabit, pasukan serbuan telah menemukan sejumlah LPG di dalam premis itu bersama beberapa peralatan lain yang dipercayai digunakan dalam aktiviti *decanting*, iaitu memindahkan gas daripada tong berkapasiti 14kg bersubsidi kepada tong berkapasiti 50kg untuk kegunaan industri bukan bersubsidi. Selain itu, hasil pemeriksaan lanjut juga mendapati premis tersebut tidak mempunyai dokumen yang sah di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] untuk menjalankan urus niaga berkaitan barang kawalan.

Sejumlah 368 unit tong gas kosong dan berisi pelbagai jenama berkapasiti 14kg dan 50kg, sebuah lori, paip getah penyambung, alat timbang pelantar serta beberapa dokumen perniagaan lain yang turut ditemui telah disita untuk siasatan lanjut di bawah Akta 122. Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM135,000.00.

Ketika serbuan dilakukan, seorang individu warganegara berumur 51 tahun yang mengaku sebagai penyewa premis berkenaan, manakala seorang lagi individu bukan warganegara berumur 38 tahun dipercayai pekerja di premis terbabit telah ditahan bagi membantu siasatan.

Modus operandi sindiket adalah dengan membeli bekalan LPG daripada pemborong LPG berlesen di sekitar kawasan Kulai, Johor Bahru sebelum dikumpulkan di stor haram terbabit untuk melakukan aktiviti haram tersebut.

Kertas siasatan telah dibuka dan siasatan lanjut ke atas kes ini sedang dijalankan di bawah Akta 122 bagi mengenal pasti individu atau syarikat lain yang terlibat dalam aktiviti ini serta rangkaian pengedaran LPG tersebut, termasuk menyiasat pemborong LPG berlesen yang membekalkan LPG kepada sindiket.

KPDN ingin memberikan amaran keras kepada mana-mana pihak yang berkaitan agar sentiasa mematuhi perundangan yang telah ditetapkan. Mana-mana individu yang melakukan kesalahan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta 122 dan, jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta), manakala bagi kesalahan berikutnya, denda tidak melebihi RM3,000,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta) bagi individu atau penjara tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya sekali. Bagi syarikat, sekiranya sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM2,000,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Juta) manakala bagi kesalahan berikutnya, denda tidak melebihi RM5,000,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Juta).

Selain itu, pihak berkaitan juga akan disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) [Akta 613] iaitu kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengesan, membeku, menyita serta sehingga ke peringkat perlucutan hak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram penyelewengan berkaitan gas petroleum cecair.

Jika disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta 613 ini boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima belas (15) tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau lima juta ringgit yang mana yang lebih tinggi.

Bagi statistik berkaitan barang kawalan LPG bermula 1 Januari 2024 hingga 16 Disember 2024, sebanyak 196 kes telah dihasilkan di seluruh negara dengan nilai rampasan bagi LPG sahaja berjumlah RM815,960.90. Hasil tindakan kes ini juga adalah sebahagian daripada inisiatif KITA GEMPUR yang telah dilancarkan oleh KPND dalam usaha untuk membanteras isu manipulasi dalam aktiviti perniagaan dan ketirisan yang melibatkan barang kawalan dan barang kawalan bersubsidi.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung aktiviti penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi boleh menyalurkan aduan yang lengkap dan tepat kepada pihak Kementerian melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp 019-848 8000;
- ii. Portal e-Aduan KPND iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- iii. Call Centre 1-800-886-800; dan
- iv. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPND.

DATUK AZMAN BIN ADAM

Ketua Pengarah Penguat Kuasa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Putrajaya
18 Disember 2024

###